



BEBERAPA alat sudahpun disediakan untuk upacara kebesaran kerapatan perasmian Undang Luak Sungai Ujung di Telapak Undang Ibu Soko di Batu 9, Pantai, Seremban, semalam.

Majlis kerapatan rasmi Undang Luak Sungai Ujung dibatal

SEREMBAN, 20 Dis. — Upacara Kerapatan Perasmian Undang Luak Sungai Ujung yang dijadualkan berlangsung hari ini di Telapak Undang, Batu 9, Pantai, dekat sini telah dibatalkan.

Upacara tersebut yang ditaja oleh ibu soko Telapak Undang, Puari Kamariah Abu, dibatalkan kerana tidak mendapat permit dari pihak polis.

Upacara tersebut yang difahamkan untuk mengisytiharkan Encik Samsir Haji Sulaiman sebagai penyandang Pesaka Datuk Kelana Undang Luak Sungai Ujung yang ke-10.

Jurucakap bagi pihak ibu sokonya ketika dite-

mui memberitahu, pembatalan itu dibuat atas nasihat Penolong Ketua Polis Negeri Sembilan Darul Khusus petang semalam.

Jurucakap itu berkata, beliau juga telah menerima sepucuk surat berdaftar dari pihak Dewan Keadilan mengenai perkara yang sama.

Bagaimanapun, jurucakap itu enggan mengulas lanjut mengenai isi kandungan surat itu dan menyifatkan segala perkara yang terkandung dalam surat tersebut sebagai adil.

Menurut jurucakap itu lagi, segala persiapan mengenai upacara itu telahpun dibuat beberapa

hari lalu dan menyifatkan pembatalannya sebagai kehendak takdir.

Jawatan Datuk Kelana Undang Luak Sungai Ujung menjadi kosong berikutan kematian Datuk Kelana Mohd. Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid pada 28 Oktober 1983.

Pada 16 Disember lalu, Tua Lembaga Waris Kelana Datuk Maharaja Lela Zamhari Haji Abdul Rahman dalam kenyataannya meminta semua Datuk Lembaga Tiang Baiai dan anak-anak waris supaya tidak menghadiri upacara itu kerana menyalahi aturan adat dan pesaka.